

08 JAN 1999
Abdullah-reaksi
PEMILIHAN ABDULLAH DISOKONG

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Naib Presiden UMNO Datuk Seri Najib Tun Razak berikrar akan memberi sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru.

"Saya telah memberi pengakuan kepada Perdana Menteri bahawa sesiapa yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, saya akan memberi segala kerjasama dan sokongan kepada beliau supaya dia dapat menjalankan tugasnya dengan sebaik mungkin.

"Yang penting sekali ialah untuk kita semua memberi tumpuan kepada soal menguatkan parti dan menentukan kejayaan pada pilihan raya akan datang.

"Jadi bagi saya tidak menjadi masalah," katanya ketika diminta mengulas pelantikan Abdullah itu.

Semasa ditanya sama ada beliau terkejut dengan pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pelantikan itu, Najib berkata: "Saya tidak terkejut, cuma timingnya (masanya) saja. Saya menjangkakan bahawa Perdana Menteri akan buat keputusan pada masa yang lain."

Setiausaha Agung UMNO Datuk Seri Sabbaruddin Chik berkata pelantikan Abdullah ialah untuk jawatan Timbalan Perdana Menteri dan ia tiada kaitan dengan jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Beliau berkata pelantikan Abdullah dibuat oleh Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Kepada soalan lain, Sabbaruddin berkata pelantikan mengisi kekosongan jawatan pengerusi jawatankuasa disiplin parti tidak dibincangkan pada mesyuarat hari ini.

Mengenai penangguhan pemilihan anggota MT, beliau berkata ia bertujuan memberi tumpuan kepada aktiviti UMNO terutama dalam mengukuhkan parti bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Penangguhan ini bermakna tidak ada pemilihan dalam parti, apabila tidak ada pemilihan, kita boleh perkukuhkan parti," katanya.

Beliau berkata penangguhan seperti itu bukan perkara baru kerana ia pernah dilakukan sebelum UMNO diisytihar tidak sah pada 1987.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman turut menyambut baik pelantikan Abdullah.

"Kita rasa yakin beliau akan dapat bersama-sama dengan Perdana Menteri untuk memimpin parti dalam persiapan menghadapi pilihan raya kebangsaan," katanya.

Siti Zaharah yang ditukarkan jawatan daripada Timbalan Menteri Kesihatan kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata penangguhan pemilihan MT akan menyekat berlaku kegawatan dalam soal pemilihan jawatan dalam parti.

Anggota MT Datuk Seri Rafidah Aziz berkata beliau berasa lega kerana akhirnya jawatan timbalan perdana menteri telahpun terisi.

Katanya ini menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia tidak ada masalah mencari pengganti Anwar dan jelaslah bahawa kestabilan politik negara baik dalam Umno atau kerajaan tidak goncang.

"Saya berkata demikian kerana selalu sangat kita dengar cerita seolah-olah bila Anwar Ibrahim dibuang, kita di Malaysia dah tak ada lagi pemimpin... jelaslah bahawa kita tidak ada masalah," katanya.

Rafidah, yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berkata tugas utama sekarang ialah untuk berusaha memulihkan ekonomi negara.

Beliau juga gembira dengan penangguhan pemilihan MT tahun ini kerana ini bermakna "100 peratus tumpuan boleh diberikan untuk kerja pemulihan ekonomi."

Mengenai pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan, Rafidah berkata ianya tidak menjadi masalah kepada sesiapa.

"Jelas PM memikirkkan satu kabinet yang boleh bekerjasama untuk memperkuatkan lagi usaha meningkatkan prestasi ekonomi kita dan juga menghadapi pilihan raya yang akan datang," katanya.

Seorang lagi anggota MT Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata semua anggota MT bersetuju sesiapa saja yang dipilih oleh Dr Mahathir akan disokong oleh mereka.

Mengenai penangguhan pemilihan MT, beliau berkata ini bertujuan membolehkan semua pihak menumpukan perhatian kepada tugas masing-masing terutamanya ke arah meningkatkan prestasi ekonomi negara.

Di SUNGAI PETANI, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata MCA menyokong penuh pelantikan Abdullah dan menyifatkan pelantikan itu sebagai amat wajar untuk mengukuhkan kedudukan negara dan Barisan Nasional pada masa depan.

"MCA amat gembira sekali dengan pelantikan itu untuk menjamin Malaysia terus mantap terutama dalam bidang ekonomi," katanya kepada pemberita pada majlis angkat sumpah 100 orang anggota Wanita MCA Negeri Kedah malam ini.

"Pelantikan itu kerana Dr Mahathir menganggap Datuk Abdullah adalah paling sesuai berikutan ketokohan yang ada padanya itu," katanya.

Mengenai kedudukan MCA dalam menghadapi isu-isu semasa, terutama pilihan raya umum akan datang, beliau berkata keadaannya tidaklah begitu membimbangkan kerana semua anggota parti lebih faham dengan setiap isu yang sering ditimbulkan dalam negara.

"Saya berpuas hati dengan kedudukan MCA serta kedudukan anggotanya yang bertambah pada masa ini," katanya

Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Koh Tsu Koon berikrar untuk memberi sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada demi kepentingan penduduk negeri ini.

"Saya berasa yakin bahawa Datuk Seri Abdullah, yang berpengalaman luas dalam Kabinet dapat menjalankan tugasnya dengan cemerlang sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru," kata Koh yang juga Pengerusi Gerakan Pulau Pinang dalam satu kenyataan.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Tun Daim Zainuddin atas pelantikannya semula sebagai Menteri Kewangan dan melahirkan keyakinan bahawa beliau dapat membawa negara keluar daripada kemelesetan dengan lebih cepat.

Naib Presiden Gerakan Pulau Pinang Datuk Dr Goh Cheng Teik juga menyambut baik pelantikan Abdullah sambil berkata naib presiden Umno itu ialah seorang pemimpin mempunyai perwatakan yang kuat dan berpengalaman.

"Beliau mendapat tempat dalam hati semua rakyat Malaysia. Saya yakin bahawa beliau dapat menjalankan tugas sebagai Timbalan Perdana Menteri dengan berkesan," kata beliau.

Dr Goh yang juga Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi juga menyambut baik pelantikan semula Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan.

"Kita memerlukan Menteri Kewangan yang berpengalaman dan berkeupayaan untuk membawa negara keluar dari kemelut kemelesetan. Saya yakin beliau dapat melakukannya sekali lagi," kata beliau.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya juga menyambut baik pelantikan Abdullah.

"Perdana Menteri mengetahui siapakah yang terbaik untuk menjadi timbalan perdana menteri," kata beliau ketika dihubungi di sini malam ini.

Samy Vellu berkata beliau akan memberi sokongan kepada Abdullah dalam

menjalankan tanggungjawabnya.

-- BERNAMA

TM FAZ